

15/03/2002

Guru besar perlu elak budaya selesa

Tamrin Anuar

PENDIDIKAN negara perlu diurus oleh pegawai berketerampilan, berwibawa serta mantap dari segi ilmu pengetahuan, teori, amalan, akhlak dan bersikap profesional dalam setiap tindakan.

Sehubungan itu, guru besar haruslah memperlengkap dan memperkembangkan diri dengan ilmu kepemimpinan dan pengurusan profesional, berwawasan dan futuristik bagi melahirkan bangsa Melayu yang cemerlang di masa hadapan.

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata kecemerlangan pendidikan haruslah merangkumi ilmu pengetahuan dan maklumat yang berteraskan kepada agama Islam dan akhlak yang akan menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh membabitkan ekonomi, politik, sosial, rohani dan budaya.

Katanya, di samping keterampilan ilmu, iman dan akhlak, guru besar juga perlu memberi penekanan seimbang terhadap pembinaan jati diri, peneguhan identiti dan semangat patriotisme yang tinggi bagi melahirkan anak bangsa yang berfikiran global di samping hati nurani dan cita-cita yang bersifat nasional.

"Pihak kepemimpinan sekolah hendaklah memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa menepati ciri penguasaan ilmu serta kecemerlangan pendidikan melalui pengajaran yang terancang, tekun dan berkesan.

"Pendidik mesti sentiasa berusaha mencari jalan terbaik dalam menangani cabaran dan menyelesaikan sesuatu masalah," katanya di Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Siri Ke-3, di Shah Alam, Selangor, kelmarin.

Konvensyen empat hari yang berakhir semalam dihadiri 400 guru besar dari seluruh Selangor dan Wilayah Persekutuan, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Samsudin.

Abdul Rafie berkata, Kementerian Pendidikan telah menyalurkan peruntukan besar bagi menyediakan sumber dan kemudahan pembelajaran sempurna kepada pelajar di samping meningkatkan tahap profesionalisme guru.

Katanya, kementerian juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan di bawah program latihan dalam perkhidmatan dan praperkhidmatan serta latihan jangka pendek untuk guru khususnya bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dengan harapan mempertingkatkan kualiti pendidikan negara.

"Semua guru besar perlu bermuhasabah diri agar dapat menghindarkan diri daripada terjebak dengan perangkap rutin atau budaya selesa agar wang yang dibelanjakan, keringat yang mengalir, masa yang hilang, bahkan air mata yang tertumpah demi memartabatkan anak bangsa tidak menjadi sia-sia.

"Sebagai pengurus pendidikan di peringkat sekolah, budaya selesa yang bahaya ini perlu dicegah dalam menangani masalah pendidikan yang semakin hari menjadi ancaman," katanya.

Menurut Abdul Rafie lagi, sebagai pemimpin di peringkat sekolah, guru besar juga harus mewujudkan cabaran, daya tarikan dan rangsangan agar guru dan pelajar sentiasa peka dan bersemangat serta bertindak tangkas ke arah kecemerlangan sekolah.

Katanya, tugas utama pendidik adalah untuk membangunkan manusia dan menentukan masa depan agama, bangsa dan negara terus berkembang maju mengikut acuan kita.

"Peserta konvensyen perlu memperkasa kecemerlangan pendidikan, menggembleng tenaga, usaha dan kepakaran bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti demi menjamin kecemerlangan anak bangsa Melayu," katanya.

(END)